

Khazanah alam perlu dipulihara



Pelajar melakukan pemerhatian sambil belajar memahami mesej yang disampaikan.

Puchong: Generasi muda perlu di-dedahkan dengan kepentingan memulihara alam sekitar menerusi pembabitian secara langsung dengan persekitaran sebenar perhutanan dan habitatnya pada peringkat sekolah lagi.

Dekan Fakulti Perhutanan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Datin Dr Faridah Hanum Ibrahim berkata, pendedahan awal itu dapat memastikan generasi muda memahami kepentingan menjaga alam sekitar dengan lebih menyeluruh, berbanding hanya selepas mereka meninggalkan bangku sekolah.

Beliau berkata, antara pendedahan itu termasuk yang dilaksana pada peringkat sekolah, mahupun di institut pengajian tinggi (IPT) seperti Kem Pendidikan Alam Semula Jadi Peringkat Kebangsaan (KEMPAS) 2013 anjuran Fakulti Perhutanan, UPM.

“Melalui kem itu yang bertemakan, ‘Hutan dan Air’ ia memberi fokus terhadap kepentingan menjaga hutan yang menjadi sumber air serta flora dan fauna kepada negara.

“Peserta diberikan tugas yang membolehkan mereka membuat uji kaji dan melakukan pemerhatian sendiri di dalam hutan. Ia memudahkan mereka memahami mesej yang ingin

disampaikan dengan lebih jelas,” katanya ketika berucap pada majlis penutup KEMPAS 2013, baru-baru ini.

Jumlah peserta paling ramai

Kem peringkat akhir yang berlangsung selama lapan hari tujuh malam itu, membabitkan pelajar daripada 14 sekolah dari seluruh negara diadakan di Pusat Pendidikan Perhutanan Sultan Idris Shah (SISFEC), Hutan Simpan Ayer Hitam, dekat sini.

Majlis penutup pertandingan itu disempurnakan oleh Pengarah Bahagian Kokurikulum dan Kesenian Kementerian Pendidikan, Zainudin Abas. Turut hadir, Pengarang Berita Pendidikan BH, Ridzuan Yop dan wakil ExxonMobil, Hazizi Hassan.

Faridah berkata, tahun ini mencatatkan jumlah peserta pada peringkat awal paling ramai iaitu 4,650 pelajar dari 257 sekolah menengah di seluruh negara sekali gus mencatatkan jumlah paling ramai sejak dianjurkan pada 2007.

Sementara itu, Zainudin berkata, pihaknya menyambut baik usaha yang dijalankan itu dan berpendapat generasi muda khususnya pelajar perlu didedahkan dengan pendidikan alam semula jadi secara formal untuk



Sebahagian pelajar yang menyertai aktiviti KEMPAS 2013 sibuk membuat uji kaji dan pemerhatian dalam hutan di SISFEC.

mengukuhkan kefahaman mereka.

“Pendidikan berterusan bukan saja dapat menyediakan kehidupan sempurna, malah mengekalkan khazanah alam seperti flora dan fauna untuk generasi akan datang.

“Usaha ke arah ini tidak hanya terhad kepada pelajar sekolah saja, malah perlu diperluaskan kepada semua lapisan masyarakat melalui kaedah teori mahupun praktikal berdasarkan lima matlamat umum iaitu kesedaran, pengetahuan, kemahiran, tindakan dan penyertaan,” katanya.

**“
Peserta diberikan tugas yang membolehkan mereka membuat uji kaji dan melakukan pemerhatian sendiri di dalam hutan”**

Dr Faridah Hanum Ibrahim,
Dekan Fakulti Perhutanan, UPM